



# MAJLIS BANDARAYA IPOH

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH DOKUMEN DAN HARGA DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA
1.	<p><b><u>NO. SEBUT HARGA</u></b> S0015/21</p> <p><b><u>FAIL RUJUKAN</u></b> A2/TT/4/3/15(S)JLD.6</p> <p><b><u>TAJUK</u></b> CADANGAN MEMBEKAL JAM TANGAN UNTUK PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN 2020</p>	<p><b><u>(TERBUKA)</u></b> BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</p> <p><b><u>KOD BIDANG</u></b> 030201- CENDERAMATA DAN HADIAH <b>ATAU</b> 030299 - PEMBUAT</p>	<p><b><u>DARI TARIKH</u></b> <b>08 MAC 2021 (ISNIN)</b> <b><u>HINGGA</u></b> <b>15 MAC 2021 (ISNIN)</b></p> <p><b><u>HARGA DOKUMEN</u></b> RM30.00 (WANG POS MALAYSIA) (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p><b><u>TEMPAT DOKUMEN</u></b> <b><u>DIJUAL</u></b> KAUNTER BAYARAN MAJLIS BANDARAYA IPOH (KAUNTER NO. 7)</p>	<p><b><u>TARIKH</u></b> <b>16 MAC 2021 (SELASA)</b> <b>12:00 TENGAH HARI</b></p> <p><b><u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA</u></b> PETI TENDER/SEBUTHARGA UNIT PEROLEHAN TINGKAT 1, BAHAGIAN UKUR BAHAN &amp; PEROLEHAN MAJLIS BANDARAYA IPOH</p> <p><b><u>WAKTU URUSAN</u></b> <b>ISNIN-JUMAAT</b> <b>9:00 PAGI-12:00 TENGAH HARI</b></p>

2. Satu salinan 'Naskah Meja Dokumen Sebut Harga' akan dipamerkan di **Kaunter Bayaran MBI Greentown (Kaunter No.7)** mulai **8 Mac 2021** dari jam **9:00 pagi** hingga **1:00 tengah hari** bagi membolehkan penyebut harga menyemak dokumen sebut harga tersebut sebelum membuat pembelian.


3. Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **Deraf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos** atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **sijil asal SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, 3 bulan sebelum tamat tempoh**, berserta satu salinan sijil tersebut dan **Surat Wakil** bagi bukan pemegang asal sijil.


4. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurong kiri hadapan dan nama syarikat di bahagian belakang sampul surat serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Unit Perolehan, Tingkat 1, Bahagian Ukur Bahan & Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh**.

5. Penyebut harga **tidak mempunyai** sebarang tunggakan (**Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak-Samun/ pelbagai tunggakan lain**) dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen sebut harga, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai sebut harga ini.

6. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.

7. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

  
HJH SAIDATUL AKMA BT JAMALUDIN, ACM.,AMP  
PENGARAH KANAN (KEWANGAN)  
MAJLIS BANDARAYA IPOH

  
SURIANI BINTI ISMAIL  
KETUA BAHAGIAN UKUR BAHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH